

E-PROSIDING

PEPERSIDANGAN INDUSTRI WARGA EMAS KEBANGSAAN

MENUJU PENGURUSAN PATUH SYARIAH

2019

JUMAAT - SABTU 15 -16 MAC 2019

DEWAN TUANKU CANSELOR USIM

ANJURAN BERSAMA



E-PROSIDING

**PERSIDANGAN
INDUSTRI
WARGA EMAS
KEBANGSAAN**

MENUJU PENGURUSAN PATUH SYARIAH

2019

JUMAAT - SABTU 15 -16 MAC 2019

DEWAN TUANKU CANSELOR USIM

ANJURAN BERSAMA



E-PROSIDING

**PERSIDANGAN INDUSTRI WARGA EMAS KEBANGSAAN: MENUJU
PENGURUSAN PATUH SYARIAH 2019**

Cetakan Pertama...2019

@Hak Cipta Terpelihara.

Usuli Faqih Research Centre PLT (UFRC)
(LLP0012329-LGN)

Tidak dibenarkan mencetak ulang semula mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan prosiding ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, cd atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada penerbit.

Penerbit:

USULI FAQIH RESEARCH CENTRE PLT,
PT12991A, Tingkat 1, Jalan BBN 1/7D,
Putra Nilai, 71800, Nilai,
Negeri Sembilan, Malaysia.
H/P: +6019-6440815

E-mel: usulifaqih@gmail.com

Facebook: Usuli Faqih Research Centre

ISBN:

978-767-2114-02-4

PRAKATA

Saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Persidangan Industri Warga Emas Kebangsaan: Menuju Pengurusan Patuh Syariah 15-16 Mac 2019 ini berjaya dilaksanakan dalam mengangkat tema kepatuhan syariah warga emas menjelang Negara Tua 2030.

Terima kasih kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebagai penganjur bersama persidangan ini terutamanya YBhg Dato' Naib Canselor atas sokongan penuh terhadap pelaksanaan persidangan ini dalam usaha memperkasa fasiliti, tenaga kerja dan modul pendidikan sepanjang hayat warga emas. Juga tidak dilupakan pihak rakan media, rakan kerjasama terutamanya barisan agensi kerajaan seperti ISM, JKM, KKM, JAKIM, MPWIM dan rakan pengendali yang turut sama dalam penganjuran persidangan bertaraf kebangsaan ini.

Terima kasih tidak terhingga juga kepada para pembentang yang datang dari pelbagai latar belakang dan kepakaran seperti USIM, UKM, UIAM, UPM, UM dan UNISZA. Semoga penulisan kertas kerja ini dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya dan tidak terhenti setakat ini. Saya berharap agar idea-idea baru ini dapat diterjemahkan menjadi praktikal dan menjadi solusi kepada masyarakat. Hasil daripada penulisan dan pembentangan kertas kerja ini akan dibentuk satu resolusi bersama untuk dibawa kepada semua yang terlibat dalam industri ini sekaligus diharapkan dapat digunapakai di seluruh negara.

Kami sangat teruja untuk bekerjasama dengan mana-mana badan organisasi mahupun persatuan individu dalam membangunkan Malaysia sebagai Negara Tua 2030 yang proaktif, dinamik dan patuh syariah.

#CaknaNegaraTua2030

Hjh Asral Widad Ahmad Asnawi

Pengasas dan Pengerusi Darul Insyirah

**KEPENTINGAN ARAHAN PERUBATAN AWAL MENJELANG
NEGARA TUA 2030: BEBERAPA ISU DARI SUDUT PERUNDANGAN
DAN PERSPEKTIF SYARIAH**

Fadhlina Alias^{a*}, Puteri Nemie Jahn Kassim^b, Muhammad Najib Abdullah^a dan
Syaryanti Hussin^a

^aFakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia

^bKulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

*Penulis untuk dihubungi. Tel: 06-798 8486; E-mel: fadhlina@usim.edu.my

Abstrak

Unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia telah menganggarkan bahawa 15 peratus daripada penduduk Malaysia akan terdiri daripada warga emas menjelang tahun 2030. Peralihan kepada status “negara tua” bakal memberikan implikasi terhadap pelbagai aspek pengurusan sesebuah negara seperti perkembangan ekonomi, pengurusan kewangan dan keselamatan sosial. Pertambahan jumlah penduduk warga emas juga akan turut memberikan impak yang signifikan kepada perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan. Apabila berlakunya peningkatan tersebut bererti lebih ramai pesakit yang perlu diberikan penjagaan paliatif di pusat-pusat penjagaan kesihatan seperti hospital dan pusat hospis. Penjagaan paliatif terutama bagi pesakit-pesakit di akhir hayat akan melibatkan kos yang tinggi dengan sumber yang terhad. Rentetan itu, penyedia perkhidmatan akan berhadapan dengan isu-isu kewajaran pengagihan sumber kepada pesakit, dan ini berkait rapat dengan pertimbangan tentang rawatan perubatan yang tidak membawa apa-apa manfaat (*futile treatment*). Arahan perubatan awal merupakan satu cadangan penyelesaian terhadap dilema ini. Mekanisme ini berfungsi sebagai jaminan bahawa hak individu untuk membuat keputusan berautonomi tentang rawatan perubatan tidak akan terlucut berikutan sebarang ketidakupayaan yang berlaku selepas itu. Dalam erti kata lain, arahan perubatan awal mengekalkan autonomi pesakit untuk menentukan rawatan perubatan untuk dirinya sendiri, walaupun pada ketika pesakit tersebut bukan lagi seorang yang kompeten. Keputusan ini dapat membantu para doktor mengenal pasti kehendak pesakit dan nilai-nilai yang dipegang apabila perlu membuat keputusan di penghujung hayat, seterusnya memudahkan pengagihan sumber rawatan kepada pesakit yang lebih memerlukan. Kertas kerja ini bertujuan menjelaskan kepentingan pelaksanaan arahan perubatan awal di Malaysia, terutamanya dalam persediaan untuk menghadapi “negara tua”, serta mengupas isu-isu yang berkaitan berdasarkan sudut pandangan undang-undang dan syariah.

Kata kunci: *warga emas, arahan perubatan awal, penjagaan paliatif, perspektif undang-undang, syariah*